

## Berita Harian Online 18.11.2021



### Diplomat perlu fahami sejarah, sains - Sultan Nazrin

M Hifzuddin Ikhsan - November 18, 2021 @ 2:54pm  
hifzuddin@bh.com.my



KUALA LUMPUR, 18 Nov -- Sultan Perak Sultan Nazrin Shah berkenan menyampaikan Titah Amanat pada Majlis Titah Diraja 2021 bertemakan 'Shaping A New Generation of Malaysian Diplomats' di Institut Diplomasi Dan Hubungan Luar Negeri hari ini.--fotoBERNAMA (2021) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR: Generasi baharu diplomat perlu memahami sejarah, sains dan mendukung diplomasi digital dalam menjalankan tugas mereka ketika mewakili Malaysia di luar negara, titah Sultan Perak Sultan Nazrin Shah.

Penaung Diraja Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) itu bertitah diplomat yang memahami sejarah akan mempunyai keupayaan memahami setiap peristiwa besar yang berlaku di sekeliling dunia bagi membolehkan mereka menghasilkan analisis yang diperlukan.


---

"Diplomat yang kurang menghargai sejarah mungkin bergelut dalam menghasilkan analisis yang tepat dan berguna dalam membuat dasar luar negara yang kukuh, manakala pemahaman yang munasabah dalam sains juga penting buat mereka bertindak balas dengan berkesan kepada isu dasar luar negara yang kompleks dan mendesak pada masa ini.

"Ini termasuk pandemik COVID-19, krisis iklim dan teknologi baharu, yang semuanya dikaitkan dengan apa yang dikatakan sebagai ancaman keselamatan bukan tradisional," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika menyampaikan Titah Diraja Sambutan 30 Tahun Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) di sini, hari ini.

Sultan Nazrin bertitah, seorang diplomat juga perlu menjadi ahli komunikasi yang mahir berikutan mereka adalah perwakilan utama yang membawa pandangan Malaysia ke negara asing.



"Setiap negara mempunyai kawalan dalam bidang maklumat dan komunikasi dengan peranan media cetak dan elektronik dalam membentuk pandangan umum adalah diakui di seluruh dunia.

"Kepantasan dan luasnya liputan dan mudahnya maklumat diperolehi melalui peralatan moden kini menjadikan tugas diplomat menjadi semakin mencabar.

"Bagaimanapun, masih terdapat ramai diplomat masih kekurangan kemahiran dalam mengurus dan memaksimumkan potensi ketika berurusan bersama media tempatan dan antarabangsa demi kepentingan negara," titah baginda.

Sultan Nazrin turut bertitah, sebagai birokrat pula, diplomat berperanan menerangkan dasar yang diterapkan negara ini melalui perbincangan bersama pemegang taruh, kumpulan profesional dan pakar antarabangsa.

Titah baginda, semua aspek berkenaan penting kepada Malaysia dan negara ASEAN lain bekerjasama dalam memastikan keamanan dan kemakmuran bersama, walaupun terdapat negara anggota mudah terpengaruh dengan tekanan untuk menyebelahi pihak tertentu.

"Sejak dari dahulu Malaysia dan ASEAN kekal berkecuali termasuk menjarakkan diri daripada sebarang kontroversi dan konflik dengan ia menjadi asas kepada aspek keamanan, kebebasan dan neutral rantau ini.

"Adalah penting Malaysia dan ASEAN meneruskan kerjasama bersama semua negara lain bagi mencapai keamanan serta kemakmuran bersama. Menjadi harapan persaingan negara berkenaan berlangsung dalam suasana aman dan baik serta tidak menjadi kepada konfrontasi terbuka," titah baginda.

Baginda bertitah Malaysia dan negara jiran Asia Tenggara telah melakukan yang terbaik untuk mengoptimumkan keupayaan politik dan diplomatik mereka sebagai kuasa kecil ke sederhana, dengan memanfaatkan regionalisme atau semangat keserantau untuk lebih memperkasakan diri mereka.

"Memandangkan Malaysia menghampiri giliran seterusnya sebagai Pengerusi ASEAN pada 2025, Kementerian Luar harus merangka keutamaan yang menggalakkan kesejahteraan negara dan serantau, dengan sokongan rakan serantau," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah diplomasi Malaysia juga mesti komited untuk meningkatkan usahanya bekerjasama dengan kerajaan dan institusi bukan kerajaan antarabangsa yang lain bagi memelihara orde antarabangsa yang lebih aman, adil dan berperikemanusiaan.

Baginda bertitah institusi seperti Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah penting untuk mempromosikan kedaulatan undang-undang dalam hubungan antara negara manakala organisasi kemanusiaan seperti Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah membentuk sebahagian daripada orde antarabangsa yang berusaha untuk mendisiplinkan pengendalian peperangan dan meringankan penderitaan mereka yang terjejas.

"Melihat kepada abad ke-21 yang semakin maju, Wisma Putra perlu melaksanakan penglibatan lebih intensif dengan sektor swasta dan organisasi masyarakat sivil di tanah air dan luar negara. Malaysia amat bergantung kepada sektor swasta untuk menjana pendapatan negara," titah baginda.